

Di dalam keluaran yang lalu Ahmad Lutfi telah menulis membidas rancangan persidangan seruan Islam Tenggara Asia yang diulukan oleh Jum'iah. Tulisan itu nampaknya telah disambut oleh pihak Jum'iah dengan memandang bahawa yang demikian itu sebagai cerca yang dihadapkan kepada Maulananya dan mereka khabarnya telah menyerahkan tulisan itu kepada peguam mendatangkan tuntutan kepada penerbit majalah Qalam. Sebahagian pula daripada mereka itu khabarnya menunjukkan riaknya mencari jalan supaya tuan punya Qalam, Idrus, yang menjari jawatankuasa dalam Jum'iah itu diikhtiarkan supaya dipecah daripada menjadi jawatankuasa oleh kerana kononnya tulisan yang didatangkan itu ialah cerca semata-mata. Beginilah pandangan sebahagian daripada mereka-mereka yang telah berpegang kuat kepada faham bahawa Maulana Abdul Alim itu seolah-olahnya maksum – tidak mempunyai salah dan perkerjaannya itu benar semata-mata dan tidak boleh sesiapa pun mengiktiraf apa yang dikatakannya – hitam katanya hitam, putih katanya putih.

*Lahaulawala Quwwatta*

*Illabillah.* Perkara yang terus terang bagi memberi faedah bagi agama itu telah dipandang salah dan kita hairan mengapa Jum'iah senyap apabila sebuah akhbar tempatan yang terkenal di sini, menuduh mengatakan belia-beliannya yang memungut derma Palestin di Masjid Sultan itu dahulu disebutnya meminta sedekah di pintu masjid – Jum'iah senyap. Akhbar Singapore Standard membuat makalah baharu-baharu ini yang boleh menghina kepada umum orang Islam dan menyentuh kehormatan Jamiah, tak dinampaknya. Adakah tak nampak ini kerana ia umum mengenai orang-orang Islam dan tak mengenai Maulananya? Adakah Maulana Abdul Alim lebih dipertahankan daripada hak orang-orang Islam?! Kalau begini rupanya Jum'iah keadaannya bekerja hanya banyak hebohnya tetapi buktinya tak nyata seolah-olahnya Jamiah itu tempat kumpulan bagi mengadakan sambutan-sambutan sahaja pada hal namanya terpampang dengan seruan Islam Se-Malaya tetapi di Pulau Pinang anak Islam telah dikristiankan orang – apa kata? Apa kata Jamiah lagi tentang agama-agama baharu



## KOPI PAHIT

yang muncul yang merosakkan taraf orang Islam dan mengacu orang Islam? Jawabnya kita fikir tentu sudah sedia iaitu Jum'iah sudah menghantar imam ke penjara, mengatur rancangan tenuous udara dan dan dan kerjanya tidak bertambah dari setahun ke setahun itu, itu sahaja – tidakkah begitu?!

-----\*-----\*-----

Hantu Wak Ketuak telah membuat perbandingan dengan mengatakan bahawa orang-orang di kampung kalau ada filem-fiem Arab sekalipun lucu ceritanya kerana bahasa yang digunakannya bahasa Quran – mereka tertarik melihatnya. Kemudian ia menyatakan barangkali dengan itulah radio Malaya pada tiap-tiap malam Jumaat melagukan lagu-lagu Arab kerana menghormati malam itu dengan menyindir pula pihak radio Malaya seolah-olahnya tidak mengetahui apakah syairnya. Nampaknya Hantu Wak Ketuak ini

mulai menyedari kehormatan malam Jumaat seolah-olah seperti si Ah- Chong baharu belajar mengucapkan syahadah sebab daripada tulisannya itu dapat difaham seolah-olahnya ia jijik bahasa Arab itu dijadikan bahasa Al-Qur'an – *La Haulawalla Quwwatta Illabillah.* Kita katakan begitu kerana kalau dia orang Islam ia mengetahui bagaimana bahasa al-Quran dan yang mana yang bukan. Faham seperti hantu Wak Ketuak ini kalau masuk ke kampung umpamanya Wak Ketuak datang berserban kemudian berlagu qasidah maka hantu Wak Ketuak akan dipanggil Ustaz atau Tok Guru sebab orang kampung itu tidak boleh dijadikan ukuran. Yang menjadi ukuran ialah isi al-Quran bukan bahasanya kerana isi al-Quran itu meliputi kepada hak masyarakat dan menuntun umat kepada jalan kebahagiaan bukannya sebagaimana cara hantu Wak Ketuak dengan akhbarnya cuba-cuba memandu umat dengan akhbarnya masuk kepada kancas merah yang berlawanan dengan agama Islam – tidakkah begitu hantu Wak Ketuak? Wahai hantu Wak Ketuak orang Islam tau sifat hantu itu memang pengacau dan seteru kepada orang Islam – cemeti Al-Farouk.